

TERMA, SYARAT DAN MANFAAT AHLI KHAIRAT MASJID ALAM IMPIAN

OBJEKTIF

Perkataan “khairat” berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud kebajikan atau kebaikan. Dalam konteks ini, khairat kematian merujuk kepada dana yang dikumpulkan daripada ahli komuniti atau organisasi tertentu untuk disalurkan kepada waris apabila berlaku kematian.

Dana ini biasanya dikumpulkan melalui sumbangan berkala daripada ahli atau pencarum yang tinggal di sesuatu kawasan.

- **Meringankan Beban Kewangan:** Khairat kematian membantu waris menampung kos pengurusan jenazah, termasuk perbelanjaan seperti mandi jenazah, kafan, solat jenazah, dan pengebumian.
- **Memastikan Pengurusan Jenazah Berjalan Lancar:** Dengan adanya dana khairat, proses pengurusan jenazah dapat dilaksanakan tanpa halangan kewangan, memastikan penghormatan terakhir kepada si mati dilakukan dengan sempurna.
- **Menggalakkan Semangat Kerjasama dalam Komuniti:** Amalan khairat kematian memupuk semangat gotong-royong dan kebersamaan dalam masyarakat, di mana ahli komuniti saling membantu antara satu sama lain ketika menghadapi saat-saat sukar.

Dengan menyertai skim khairat kematian ini, individu bukan sahaja memastikan kebajikan keluarga mereka terjaga, tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan dan keharmonian komuniti secara keseluruhan

SYARAT AM KEAHLIAN KHAIRAT

1. Ahli Khairat hendaklah terdiri dari Penduduk Tetap / Permastautin di **Alam Impian**.
2. Penduduk yang **Menyewa** perlu mendapat kelulusan dari ketua Kejiranan atau Presiden Persatuan Penduduk.
3. Yuran Keahlian mestilah dibayar berterusan (tanpa tertunggak) hingga tahun kematian.
4. Yuran sebanyak **RM50/setahun** dikenakan untuk sekeluarga (satu penyertaan) termasuk anak-anak yang **Belum Berkerja / Berkahwin (bawah 24 tahun)**
5. Jika ada ahli keluarga lain (*adik beradik, ipar, anak angkat, maid dll*) yang tinggal sekali untuk mendaftar khairat, bayaran tambahan **RM50/setahun** untuk setiap bilangan tambahan ahli keluarga. Untuk Ibu/Bapa Kandung & Mertua, sila rujuk syarat **Keahlian Bersekutu**.
6. Tempoh matang ahli baru ialah **sebulan (1)** selepas Tarikh **Bayaran / Pendaftaran diluluskan**.
7. Anak yang **berkahwin/berkerja @ telah Berkeluarga** dinasihatkan mendaftar sebagai ahli khairat secara berasingan.
8. Anak **OKU** adalah Percuma & berkecuali Yuran Tahunan (*Dengan Syarat Memiliki Kad OKU yg sah*)
9. **Warga Emas** (Pemastautin tetap Alam Impian) yang berumur **65 tahun** ke atas boleh mendaftar sebagai ahli khairat berasingan.
10. **Tiada Keahlian Seumur Hidup** ditawarkan buat masa ini. Ia akan digantikan dengan syarat yang lain yang lebih sesuai dengan keadaan semasa.

TERMA, SYARAT DAN MANFAAT AHLI KHAIRAT MASJID ALAM IMPIAN

11. Untuk Pendaftaran bagi Pembantu Rumah (Warga Asing) sila rujuk Ahli khairat bahagian Pembantu Rumah.

MANFAAT TABUNG KHAIRAT

1. Pengurusan jenazah **Percuma**
2. Semua urusan jenazah dikelola oleh **Lajnah Khairat Masjid Alam Impian**
3. Penghantaran Jenazah ke perkuburan di dalam **Kawasan Shah Alam**
4. Pemberian makanan kepada keluarga waris (di rumah atau di masjid).
5. Wang Khairat **RM1,000** hanya akan diberikan satu (1) kali kepada keluarga waris dalam satu tahun dengan satu kematian sahaja.
6. Jika berlaku kematian lebih dari seorang dalam tahun yang sama hanya 1 orang sahaja yg layak untuk mendapat kemudahan Pengurusan Jenazah Percuma.
7. Majlis tahlil dikelola oleh **Lajnah Kebajikan** di Masjid Alam Impian dijadualkan pada **malam Jumaat** minggu **pertama** atau **ketiga**. Ahli boleh menempah malam Jumaat yang sesuai.

Syarat Keahlian Bersekutu

Untuk **Ibubapa/Mertua** yang tidak tinggal tetap di Alam Impian boleh menjadi ahli khairat bersekutu secara berasingan. Taraf pemastatutannya hendaklah di perakui oleh anak-anak mereka yang bertaraf pemastatutin tetap di Alam Impian. Sudah menjadi resam orang tua disebabkan kesihatan atau penjagaan.

1. Hendaklah menyertai sebagai ahli terus **3 tahun** berturut-turut dengan bayaran **RM150.00**
2. Pengurusan jenazah hanya akan di berikan jika mereka meninggal dan di uruskn di Masjid Alam Impian dan dikebumian di Shah Alam.
3. Wang saguhati khairat **RM500** kepada waris

Syarat Keahlian Pembantu Rumah (Maid)

1. Pembantu Rumah (Maid) yg memiliki permit yg sah. Mempunyai dokumen perjalanan & kontrak yg sah dengan majikannya
2. Bayaran keahlian khairat **RM50/setahun**

TERMA, SYARAT DAN MANFAAT AHLI KHAIRAT MASJID ALAM IMPIAN

3. Pengurusan Jenazah Percuma (Mandi, Kafan & Kebumi), Walaubagaimana pun tertakluk kepada Keputusan Duta negara asal pembantu rumah (Maid)
4. Tiada Wang Saguhati. (Benefit lain masih dalam proses review Jawankuasa Masjid & khairat)
5. Pengurusan membawa pulang Jenazah ke negara asal tidak akan ditanggung oleh khairat

Pengurusan Jenazah di Hospital

Mandi & Kafan Jenazah (Tanpa Bantuan Kementerian Kesihatan jika jenazah ada isu tertentu). Waris juga boleh memilih perkhidmatan ini di hospital dengan menggunakan Perkhidmatan dari Pengurusan Jenazah Freelance (Swasta)

1. Tahlil dan Talkin akan dipimpin oleh imam-imam dari Masjid Alam Impian
2. Kelengkapan bilik pengurusan jenazah/kelengkapan jenazah
3. Solat Jenazah di Masjid (atau di rumah)
4. Pengurusan tanah perkuburan (MBSA sahaja), contoh , di Tanah Perkuburan MBSA (TPI) seksyen 21, Jalan Kebun & Kawasan Sekitarnya.
5. Perkhidmatan Van Pengangkutan Jenazah hanya di kawasan Shah Alam Sahaja.
6. Perkhidmatan Pengangkutan Jenazah di luar Kawasan Shah Alam adalah tertakluk kepada jarak perjalanan pergi balik, tol + minyak, elaun pemandu/pembantu akan ditanggung oleh waris.

Kos Penghantaran Jenazah Keluar Kawasan:-

Masjid Alam Impian belum memiliki Pemandu Khas. Penghantaran jenazah keluar Kawasan adalah dengan budi bicara AJK dan kebenaran Pengurus Masjid. Caj akan dikenakan bagi membayar kos pemandu, Penggunaan minyak dan TOLL. Saguhati Pemandu ialah 0.75 sen per km perjalanan pergi dan balik,